

MPC (CRO) 700 - 4/1/ (2020)

7 Mac 2021

Y Brs Puan Tooty Jamaluddin
Perunding Utama
Hijrah Synergy Resources
408 Blok E, Casmara Apartment, Taman Samudera,
68100 Batu Caves, Selangor
Email : mstooty09@gmail.com

PELANTIKAN SEBAGAI PEMERIKSA TAPAK BAGI SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS – MALAYSIA PRODUCTIVITY BLUEPRINT (SPPE-MPB) BAGI SYARIKAT PUREGEN TECHNOLOGY SDN. BHD.

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bersetuju untuk melantik tuan/puan dari **Hijrah Synergy Resources** untuk pelaksanaan skim di atas bagi syarikat yang dinyatakan. Di dalam program ini, tuan/puan dikehendaki untuk melaksanakan Intervensi dalam bidang Pengurusan Lean/5S meliputi latihan dan khidmat nasihat bagi membolehkan syarikat ini berjaya menamatkan projek pembangunan sistem dengan jayanya.

3. Pelantikan tuan/puan untuk melaksanakan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) bagi syarikat ini merupakan sambungan perkhidmatan tuan/puan bagi tujuan tersebut mengikut syarat-syarat seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2** yang mengambil masa 2 bulan bermula **Mac 2021 hingga Mei 2021**.

4. Jumlah keseluruhan bayaran termasuk bayaran profesional, penginapan dan perjalanan melaksanakan tugas sambungan bagi program ini ialah sebanyak **RM10,400.00**. Bayaran ini akan dibayar oleh MPC secara berperingkat mengikut kemajuan kerja seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran 3**.

5. Sekiranya pihak tuan/puan bersetuju dengan lantikan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan surat Akuan Setuju Terima seperti di **Lampiran 4** kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan tuan/puan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

6. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak tuan/puan dalam menjayakan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KARTIN HASLINDA CHE MAT)

Pengurus

Pejabat Wilayah Tengah (CRO)

b.p. Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Syarat Pelantikan Pemeriksa Tapak Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB)

1. Mematuhi Etika Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem;
2. Bersetuju untuk menjalankan projek sehingga tamat mengikut surat tawaran;
3. Kadar bayaran untuk kursus/latihan ialah **RM1,700 sehari** (7 jam);
4. Kadar bayaran untuk taklimat & lawatan ialah **RM1,300.00** sehari;
5. Bersetuju dengan syarat-syarat 3 dan 4 di atas sebagai pakej yuran khidmat profesional termasuk perbelanjaan lain iaitu **perjalanan, penginapan, material program dan lain-lain yang diperlukan untuk kursus tersebut;**
6. Bayaran akan dibuat mengikut peringkat projek yang akan ditawarkan;
7. Pemeriksa Tapak tidak mengendalikan lebih dari 3 projek pada satu-satu masa;
8. Mempunyai rekod penilaian dari pelanggan dan skor latihan yang baik (4.0 dan ke atas);
9. Pemeriksa Tapak perlu menyediakan peralatan bantu mengajar (*presentation aids*) seperti komputer riba dan *LCD projector* untuk tujuan latihan;
10. Nota kursus yang akan digunakan hendaklah mengandungi logo MPC. Nota-nota dalam bentuk *softcopy* tersebut haruslah diserahkan kepada pegawai MPC terlibat sebelum kursus dijalankan untuk tujuan pemantauan;
11. Pemeriksa Tapak hendaklah memaklumkan tarikh sebenar latihan/lawatan kepada pegawai MPC yang terlibat sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum sesi bermula;
12. Menghantar laporan projek mengikut jadual fasa yang telah ditetapkan (seminggu selepas aktiviti terakhir dijalankan) bersama **invois asal** kepada pegawai petugas MPC termasuk laporan A3 yang disertakan. Sekiranya tidak dihantar, maka pembayaran tidak akan diproses bagi fasa tersebut (Rujuk Para 2 Lampiran 3);
13. MPC tidak bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan penginapan kepada Pemeriksa Tapak;
14. Kos penerbangan akan ditanggung sendiri oleh pihak Pemeriksa Tapak (sekiranya berkenaan);
15. MPC berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa jika ada syarat-syarat tidak dipatuhi;
16. Menyediakan laporan akhir dan laporan dalam format A3 yang diserahkan bersama-sama tuntutan akhir (Fasa 3);
17. Pemeriksa Tapak dilarang untuk mengenakan sebarang yuran tambahan kepada pihak syarikat.

* Sekiranya perunding menarik diri daripada projek ini tanpa sebarang sebab yang munasabah, maka perunding akan dibawa ke Jawatankuasa Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem (PLPS) untuk tindakan pembatalan sebagai pembekal.

**Butiran Bayaran bagi Pemeriksa Tapak Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris
– Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB)**

1. Kadar Bayaran

Berikut adalah komponen bayaran yuran profesional perkhidmatan yang dijalankan oleh Pemeriksa Tapak*:

1.	4 Hari Latihan @ RM1,700 sehari	RM	6,800.00
2.	9 Hari Taklimat / Perundingan @ RM1,300 hari	RM	11,700.00

Jumlah		RM	18,500.00
Jumlah Keseluruhan		RM	18,500.00

* Kadar ini adalah termasuk kos perjalanan dan perbelanjaan lain seperti penginapan dan bahan program (seperti nota kursus).

** Kadar ini berbeza mengikut samada kadar setempat atau kadar luar kawasan (kadar yang dinyatakan di atas adalah kadar setempat).

2. Perincian Aktiviti, Yuran dan Jadual Pembayaran.

Jadual di bawah merupakan skop kerja pihak pemeriksa tapak dari **Hijrah Synergy Resources (Perunding)**. Adalah menjadi tanggungjawab pemeriksa tapak untuk membantu syarikat dalam Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB) melalui pendekatan yang diambil seperti jadual di bawah:

FASA	AKTIVITI	HASIL	BIL. HARI
1	Taklimat Pengurusan dan GEMBA (work-station)	Objektif Perancangan keseluruhan projek Rekabentuk Sistem pengurusan QE/5S	1
2	Latihan 1: Lean QE/5S Awareness	Pendedahan kepada sistem pengurusan QE/ 5S Bahan Nota & Sijil Kursus	1
3	Latihan 2: Kursus Audit Dalam QE/5S	Pendedahan kepada sesi pengauditan QE/5S Bahan Nota & Sijil Kursus	1
4	Latihan 3: Kursus Lean Tools and Techniques Kursus VSM	Pendedahan kepada Lean Tools and Techniques dan Kursus Mapping Aliran Proses kerja Primary dan secondary Syarikat termasuk Value Stream Mapping (VSM) Bahan Nota & Sijil Kursus	2
5	Lawatan Pemeriksaan 1 : Pengesahan Projek	Khidmat nasihat Laporan kemajuan.-Sisih & Pembentukan Jawantakuasa	1
6	Lawatan Pemeriksaan 2	Khidmat nasihat	1

		Laporan kemajuan.-Susun	
7	Lawatan Pemeriksaan 3	Khidmat nasihat Laporan kemajuan.Sapu	1
8	Lawatan Pemeriksaan 4	Khidmat nasihat Laporan kemajuan.Aktiviti 3S	1
9	Lawatan Pemeriksaan 5	Khidmat nasihat Laporan kemajuan.Penyediaan Dokumen	1
10	Lawatan Pemeriksaan 6	Khidmat nasihat Laporan kemajuan.Persediaan Dokumen QE/5S	1
11	Lawatan Pemeriksaan 7	Khidmat nasihat Laporan kemajuan.Persediaan Dokumen Value Stream Mapping (VSM)/Proses kerja Syarikat	1
12	Lawatan Pemeriksaan 8 Persembahan Akhir Projek bersama pihak pengurusan.	Laporan IMPAK Projek dan Penambahbaikan hasil projek .Laporan Impak QE/5S.Laporan VSM proses kerja syarikat. Penambahbaikan hasil projek & dan Laporan Impak	1
JUMLAH HARI BEKERJA (MAN-DAYS WORKING)			13

No Rujukan:

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
P.O. Box 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.
(U.P.: Kartin Haslinda Che Mat)

Faks : 03-7954 7910

Tuan/Puan,

AKUAN SETUJU TERIMA PELANTIKAN SEBAGAI PEMERIKSA TAPAK BAGI SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS – MALAYSIA PRODUCTIVITY BLUEPRINT (SPPE-MPB) BAGI SYARIKAT PUREGEN TECHNOLOGY SDN. BHD.

Saya _____ mewakili pihak syarikat **Hijrah Synergy Resources** no. K/P: _____ bersetuju dilantik sebagai pemeriksa tapak bagi Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) untuk syarikat **PUREGEN TECHNOLOGY FOOD SDN. BHD.** yang bernilai **RM10,400.00** dalam tempoh **Mac 2021 hingga Mei 2021**. Saya memahami dan akan mematuhi pelaksanaan khidmat perundingan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MPC.

2. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam spesifikasi tersebut, pihak MPC berhak untuk membatalkan pelantikan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :